

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 NOVEMBER 2016

Projek HSR KL-Singapura berjalan lancar

BH-17/11/2016

➔ Najib jamin tender antarabangsa
bekal kereta api telus, terbuka

A Jalil Hamid

jalil@nstp.com.my

► Tokyo, Jepun



Malaysia dan Singapura akan menandatangani perjanjian bilateral berkaitan projek kereta api berkelajuan tinggi (HSR) bulan depan, sekali gus membuktikan perancangannya berada pada landasan tepat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata tender antara-bangsa bagi pembekalan gerabak dijangka dikeluarkan menjelang penghujung tahun depan.

Katanya, kebanyakan isu berhubung projek mega itu dapat diselesaikan bagi membuka laluan untuk perjanjian ditandatangani.

Najib yang berada di Jepun bagi perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya, Shinzō Abe, memberitahu pemimpin itu bahawa pemilihan pembekal kereta api berkenaan akan dilakukan secara telus dan objektif.

Jepun berharap Malaysia dan Si-

ngapura memilih sistem kereta api laju Shinkansen dari Negara Matahari Terbit itu, yang beroperasi sejak 52 tahun lalu dan sudah dieksport ke Taiwan serta bakal menembusi pasaran India.


Jepun bersaing dengan pembekal dari China, Korea Selatan dan Eropah bagi projek HSR Kuala Lumpur-Singapura, yang dianggarkan bernilai antara RM60 bilion hingga RM65 bilion.

Pada sidang media bersama Abe selepas pertemuan mereka di sini semalam, Najib berkata: "Saya memberi jaminan kepada Perdana Menteri Abe bahawa proses keputusan akhir akan dilakukan secara terbuka, telus dan objektif"

Najib akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian HSR itu bersama Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong dan pegawai memaklumkan ia mungkin dilakukan di Johor pada 5 Disember ini.

Teknologi sistem Shinkansen

Pada sidang media sama, Abe meminta Kerajaan Malaysia dan Singapura memberi pertimbangan menggunakan teknologi sistem Shinkansen.



Najib bersama delegasi Malaysia mengadakan pertemuan dengan Abe di Tokyo, semalam.



Saya memberi jaminan kepada Perdana Menteri Abe bahawa proses keputusan akhir akan dilakukan secara terbuka, telus dan objektif"

Najib Razak,
Perdana Menteri

"Kami mengadakan perbincangan mendalam berhubung program landasan kereta api laju antara Malaysia dan Singapura. Saya menyuarakan harapan tinggi supaya teknologi kereta api laju Shinkansen diguna pakai," katanya.

Najib berada di Jepun bagi lawatan kerja tiga hari atas undangan Abe. Kedua-dua pemimpin membincangkan pelbagai isu, merangkumi keselamatan maritim di Laut China Selatan hingga Perjanjian Trans-Pasifik (TPPA), Korea Utara dan kerjasama dua hala.

Terdahulu, kedua-dua pemimpin menyaksikan majlis menandatangani penyerahan dua kapal peronda luar pesisir (OPV) Pengawal Pantai Jepun kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Ketua Pengarah APMM, Datuk Seri Ahmad Puzi Kahar, memberitahu *BH*, sebuah kapal akan ditempatkan di Kuantan, manakala satu lagi di Kota Kinabalu.

Duta Jepun ke Malaysia, Makio Miyagawa, menandatangani perjanjian bagi pihak kerajaannya.

Najib dan Abe turut menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman bagi meningkatkan kerjasama antara Pertubuhan Per-

dagangan Luar Jepun (JETRO), dan Lembaga Pembangunan Pelabuhan Malaysia (MIDA) serta JETRO dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

TPPA perlu diteruskan

Mengenai isu TPPA, Najib berkata, Malaysia dan Jepun bersepakat bahawa perjanjian itu perlu diteruskan.

Beliau berharap, Presiden Amerika Syarikat yang dilantik, Donald Trump, akan mengiktiraf TPPA.

Abe akan menemui Trump, yang menentang TPPA, di New York hari ini bagi mendapatkan pendirian jelasnya berhubung perjanjian itu.

Abe akan melaporkan hasil pertemuan kepada negara anggota TPPA di luar Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Lima, Peru, hujung minggu ini.

Najib berkata, kepentingan strategik TPPA diharap mendapat pengiktirafan pentadbiran baharu Amerika Syarikat dan semua (12) negara anggota," katanya.